

Kajian Potensi Pelancongan Warisan di Kampung Seri Baniah, Pendang, Kedah

Noorhaneza binti Ariffin, 'Azzatunisa binti Ahmad Zubir

Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,

06000 Jitra, Kedah

Email: haneza@polimas.edu.my

'azzatunisa@polimas.edu.my

Abstrak: Pelancongan merupakan salah satu industri yang berkembang pesat bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Pelancongan warisan merupakan pelancongan yang unik dan pengunjung akan dapat merasakan pengalaman zaman silam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti potensi pelancongan warisan di Kampung Seri Baniah, Pendang Kedah. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti konsep pelancongan warisan di kawasan kajian, dan potensi sebagai kawasan pelancongan warisan serta mengkaji elemen-elemen pelancongan warisan yang terdapat di kawasan kajian. Kajian ini terdapat lima peringkat iaitu peringkat yang pertama merupakan rangka kerja kajian. Peringkat yang pertama merangkumi objektif, skop kajian, permasalahan kajian dan kaedah kajian yang dipilih. Peringkat yang kedua merupakan peringkat yang menerangkan secara lebih teliti berdasarkan sumber yang boleh dipercayai. Pada peringkat yang ketiga merupakan penerangan berkenaan kawasan kajian. Seterusnya, peringkat yang keempat merupakan analisis kajian yang dilakukan oleh pengkaji melalui borang soal-selidik. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif dan persampelan iaitu melibatkan 50 responden yang terdiri daripada pengunjung Kampung Seri Baniah. Hasil dari analisis tersebut, terdapat beberapa penemuan kajian yang diperolehi berdasarkan objektif kajian. Akhir sekali adalah cadangan bagi memajukan pelancongan warisan di tapak kajian dan cadangan tersebut seharusnya selari dengan objektif kajian. Pada peringkat ini terdapat tiga kategori cadangan iaitu cadangan fizikal bertujuan untuk memudahkan pengunjung untuk berkunjung ke Kampung Seri Baniah. Cadangan aktiviti bertujuan untuk menarik perhatian pengunjung ke Kampung Seri Baniah serta menjadikan kawasan kajian sebagai ikon pelancongan warisan budaya Negeri Kedah.

Kata kunci: Pelancongan, pelancongan warisan budaya, potensi pelancongan warisan

1.0 PENGENALAN

Pelancongan warisan atau "*heritage tourism*," merujuk kepada aktiviti pelancongan yang memberi tumpuan kepada pengalaman dan pemeliharaan warisan budaya, sejarah, dan alam sekitar sesuatu kawasan. Tujuan utama pelancongan warisan adalah untuk memelihara, memahami, dan menghargai nilai-nilai sejarah dan budaya serta memberi peluang kepada pelancong untuk mengalami dan mempelajari tentang keunikan tersebut.

Pelancongan warisan merupakan suatu aktiviti ekonomi yang melibatkan penggunaan aset yang diwarisi dan sosio budaya untuk menarik kedatangan pelancong ke sesebuah kawasan (Fyall & Garrod, 1998). Pelancongan warisan itu merangkumi sebahagian daripada pelancongan budaya yang menurut Linda (1999), adalah digunakan oleh hampir semua pelawat masa lalu bagi tujuan kunjungan. Pelancongan dalam kes ini menjadi perniagaan pembuatan

sejarah atau sekurang-kurangnya aktiviti yang mengkomersilkan peristiwa masa lalu (Shaw & William, 2002).

Pelancongan warisan adalah pengekalan adat warisan yang dibawa oleh generasi terdahulu dan diambil alih oleh generasi sekarang yang bertanggungjawab untuk dijadikan kawasan kunjungan orang awam.

Pelancongan warisan merupakan kawasan kunjungan bersejarah yang dikekalkan oleh generasi yang bertanggungjawab. Kg Seri Banian dibangunkan oleh individu yang bernama Dil Akhbar Jaafar terletak di Kampung Bendang Bukit, Pendang berkonsepkan Adat Melayu Nusantara yang terdiri daripada rumah serta adat dan budaya suku kaum yang terdahulu. Kajian ini mengfokuskan kepada potensi Kg Seri Banian untuk dibangunkan sebagai sektor pelancongan warisan negeri Kedah. Kg Seri Banian yang berkeluasan 7 ekar terletak di sebuah perkampungan iaitu Kampung Bendang Bukit daerah Pendang, Kedah iaitu kira-kira 7 kilometer dari Pekan Pendang. Lokasinya strategik kerana persekitarannya yang dikelilingi alam semula jadi dan sumber asli. Di samping itu, Kg Seri Banian mempunyai keunikan warisan tersendiri seperti persembahan silat, alat muzik tradisional dan bahan binaan daripada sumber asli seperti buluh, tiang rumah melayu lama adalah bulat daripada anak-anak pokok kayu dan atap daripada daun nipah dan rumbai. Selain itu pengunjung akan merasai pengalaman menjadi golongan bangsawan kerana pekerja di sini dilatih seperti melayan keluarga diraja.

Dengan berbekalkan modal sendiri yang terhad terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti iaitu:

- i. Kekurangan publisiti dalam kalangan umum termasuk komuniti berkaitan dengan pelancongan warisan di kawasan kajian.
- ii. Kemudahsampaian ke Kampung Seri Banian dan kemudahan asas kurang memuaskan untuk pelancong berkunjung ke kawasan tersebut.
- iii. Kurangnya sambutan terhadap penginapan di chalet yang disediakan.

Matlamat kajian yang akan dijalankan adalah mengenalpasti potensi pelancongan warisan di Kampung Seri Banian.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Industri pelancongan dilihat sebagai industri yang amat penting dalam menjana pendapatan sesebuah negara pada masa kini. Pelancongan merupakan salah satu industri terpenting di dunia kerana berupaya mengembangkan aspek fizikal, sosial, budaya, ekonomi, politik dan teknologi serta mampu memberi pulangan ekonomi kepada negara (Wan Suzita et al., 2015).

World Tourism Organization (1985) menyatakan pelancongan warisan boleh dianggap sebagai subset kepada pelancongan berasaskan budaya yang melibatkan perjalanan individu kerana dorongan kebudayaan. Pelancongan warisan sebagai lawatan bermalam atau melibatkan perjalanan 50 batu dengan tujuan utama ialah melawat tempat-tempat bersejarah, kebudayaan dan tarikan semula jadi (Travel Weekly, 1999).

Pelancongan warisan ialah tempat di mana pelawat berfikir tentang masa lalu (Peterson, 1994). Secara literal warisan didefinisikan sebagai apa yang kita waris turun-temurun. Kini dalam erti kata yang lebih luas, ia dikaitkan dengan sejarah negara, kebudayaan dan landskap (Sharpley, 1993). Pelancongan berasaskan ialah idea yang tercetus daripada emosi berbeza, termasuklah nostalgia, romantisme dan rasa dipunyai oleh masa lalu (Zeppel & Hall, 1992).

Sejarah biasanya dikaitkan dengan warisan (Hewison, 1989). Perkataan warisan dalam erti kata yang lebih luas biasanya dikaitkan dengan warisan turun temurun yang diwarisi dari satu generasi ke generasi lain (Nuryani, 1996). Konsep pembangunan pelancongan lestari memasukkan elemen keprihatinan terhadap penggunaan sumber warisan alam semulajadi dan budaya dalam pembangunan pelancongan (Wanhill, 1997). Konsep pelancongan warisan bergantung kepada kepada keadaan dan persekitran kawasan yang hendak dikaji. Selain itu, perlu dititikberatkan dari segi ciri ciri, aspek dan elemen tertentu untuk menentukan konsep pelancongan.

Pelancongan warisan secara umumnya merupakan satu bentuk pelancongan untuk melihat segala khazanah warisan yang telah diwarisi daripada generasi terdahulu seperti sejarah, kebudayaan, kesenian, alam semulajadi, artifak dan lain-lain (Razak 2006). Dalam erti kata lain, pelancongan warisan membawa seseorang atau pelancong yang datang ke kawasan yang digelar sebagai destinasi pelancongan warisan akan merasai zaman silam mengikut konsep yang ditentukan oleh kawasan tersebut yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Pengunjung lebih gemar mendapat pengalaman sendiri di tempat tinggalan sejarah daripada hanya mengetahuinya melalui pembacaan sejarah lampau (Herbet, 1989). Oleh itu, pengekaln konsep sejarah dan adat orang melayu perlu dikekalkan dalam generasi sekarang untuk

pengunjung dapat merasai pengalaman zaman silam yang dibawa oleh generasi sekarang. Antara faktor tinggalan sejarah dan warisan semula jadi adalah ciri-ciri yang menjadi ingatan pelancongan terhadap sesebuah kawasan yang dikunjungi adalah penting. Ini termasuk dengan persekitaran kawasan kajian yang menunjukkan perkampungan warisan.

Dalam menjadikan sesebuah kawasan sebagai tarikan pelancongan, ciri-ciri yang menjadi ingatan pelancong terhadap sesebuah kawasan yang dikunjunginya adalah penting. Ciri-ciri itu seharusnya selari dengan konsep yang dibawa untuk menggambarkan sesuatu pelancongan warisan yang baik. Perkara yang perlu dititikberatkan adalah imej dan suasana kawasan pelancongan warisan. Contoh yang menunjukkan imej perkampungan warisan adalah bahan seni bina bangunan tersebut daripada bahan semula jadi seperti kayu, buluh dan lain-lain. Dengan cara ini, imej perkampungan warisan bakal dikekalkan untuk generasi sekarang dan bertujuan untuk pelancongan warisan untuk paparan umum.

Elemen budaya, seni dan warisan amat berkait rapat dalam memajukan sektor pelancongan warisan. Tarikan budaya yang bersifat autentik (asli) ini mampu mendidik dan meningkatkan pengetahuan di samping memberi hiburan dan pengalaman kepada pengunjung. Nilai tapak warisan dianggap penting kepada pelancong kerana dapat mempelajari budaya setempat, kualiti infrastruktur monumen dan kualiti perkhidmatan pelancongan. Oleh itu, warisan sejarah di sesebuah kawasan haruslah dipelihara dan dipulihara dari segi rekabentuk, kesenian, senibina dan nilai budayanya untuk diingati, difahami dan dipelajari oleh generasi masa sekarang dan generasi akan datang.


Setiap negeri mempunyai keunikan dan budaya yang tersendiri dan mampu menjadikan tarikan utama pelancong untuk merasai pengalaman yang dahulu yang di bawa oleh generasi terdahulu dan diwarisi oleh generasi sekarang. Manakala di luar negara juga mempunyai adat dan warisan yang tersendiri dan unik mampu menarik perhatian pengunjung untuk mengunjung dan merasai pengalaman zaman silam. Antara destinasi pelancongan warisan yang sesuai untuk para pengunjung untuk kunjung jika tiba di Negeri Sembilan iaitu Istana Seri Menanti, Kuala Pilah kerana mempunyai keunikan, sejarah dan seni bina yang tertarik yang tersendiri. Antara yang jadi punca tarikan kepada pengunjung adalah seni bina bangunan yang unik dan sejarah tersendiri. Istana Seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan ialah istana yang dirujuk lazimnya dalam konteks ini adalah sebuah binaan atau bangunan lama yang masih utuh, lagi diperbuat daripada kayu yang menjadi kediaman rasmi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan sekitar tahun 1900-an.

Secara umumnya, pelancongan ini mempunyai elemen warisan yang boleh dijadikan sebagai suatu produk pelancongan baru kepada generasi yang akan datang. Walaupun pelancongan warisan di Malaysia masih kurang diberikan perhatian, tetapi jika dilihat pada kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu secara halus ia mempunyai elemen warisan yang jelas. Perbezaan etnik dalam kalangan masyarakat Malaysia telah membuahkan pelbagai disiplin pengetahuan tempatan yang berbeza dari aspek senibina, kraftangan, pakaian tradisional, muzik dan tarian yang mencerminkan gabungan warisan dan budaya yang berwarnawarni (Norhasimah et al., 2014).

3.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah dijalankan di Kampung Seri Banian, Pendang Kedah. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui potensi kawasan kajian sebagai pelancongan warisan di negeri Kedah. Kajian ini juga dibuat bagi mengenalpasti masalah di kawasan kajian dan mencadangkan Langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah. Kaedah kajian yang dijalankan adalah secara kuantitatif di mana instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian di kawasan kajian.

Dengan keluasan 7 ekar dan kapasiti maksima seramai 300 orang pengunjung pada satu masa, seramai 50 orang responden telah dipilih bagi menjawab soal selidik yang dikemukakan. Sesi temuramah juga diadakan bersama pemilik dan pengunjung di kawasan kajian. Bilangan responden ini ditentukan berdasarkan formula penentuan saiz sample oleh Krejcie & Morgan (1970). Mengikut jadual penentuan saiz sample oleh Krejcie & Morgon (1970), berdasarkan kapasiti maksima kawasan kajian 300 orang responden yang diperlukan ialah 169 orang. Oleh kerana kawasan kajian agak kurang pengunjung, hanya 50 orang responden sahaja yang berjaya melengkapkan borang soal selidik.



Carta 1: Carta Alir Kajian

Jadual 1: Penentuan saiz sample Krejcie & Morgan (1970).

TABLE FOR DETERMINING SAMPLE SIZE FROM A GIVEN POPULATION									
N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size
"S" is sample size.

Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W., "Determining Sample Size for Research Activities", Educational and Psychological Measurement, 1970.

4.0 ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

Borang soal-selidik menggunakan skala likert iaitu skala yang digunakan untuk mengukur sikap, pendapat dan persepsi responden dalam kajian sosial. (McMilan, 2006)

Analisis kajian dari soal selidik yang dibuat adalah berdasarkan jadual di bawah:

BAHAGIAN A: PROFIL RESPONDEN

Jadual 2 : Jantina responden

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	20	40
Perempuan	30	60
Total	50	100

Berdasarkan Jadual 2, responden yang dipilih adalah terdiri daripada 20 pengunjung lelaki (40%) dan 30 pengunjung perempuan (60%).

Jadual 3: Kategori umur responden

Umur	Bilangan	Peratus
Bawah 20 tahun	3	6
21-30 tahun	11	22
31-40 tahun	20	40
Lebih 40 tahun	16	32
Jumlah	50	100

Kategori umur responden terdiri daripada pengunjung yang berumur bawah 20 tahun sehingga lebih 40 tahun. Justeru itu, skala langkau empat digunakan untuk mengkategorikan peringkat umur responden seperti dalam Jadual 3. Dapatan menunjukkan responden yang paling ramai adalah dalam kategori umur 31 tahun hingga 40 tahun (40%), diikuti dengan peringkat umur lebih 40 tahun (32%), dan paling rendah adalah umur bawah 20 tahun (6%).

BAHAGIAN B: TARIKAN KE KAWASAN KAJIAN

a. Analisa tujuan utama ke Kg Seri Banian

Jadual 4 : Tujuan utama ke kawasan kajian

Tujuan utama	Bilangan	Peratus
Bergambar kerana pemandangan yang cantik	2	4
Menikmati Sajian Makanan yang unik	36	72
Menonton Persembahan Kebudayaan	8	16
Merasai kehidupan zaman silam	4	8
Penginapan yang selesa dan menarik	0	0
Jumlah	50	100

Jadual 4 menunjukkan tujuan utama pengunjung ke Kg Seri Banian adalah untuk menikmati sajian makanan yang unik di mana merupakan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 72% manakala tiada seorang pun pengunjung yang berkunjung kerana penginapan yang menarik dan selesa. Menurut pengusaha Kg Seri Banian, chalet yang disediakan tidak mendapat sambutan pengunjung mungkin kerana binaannya dari pokok buluh dan merisaukan pengunjung dari segi keselamatan.

b. Analisa bagaimana mengetahui tentang Kg Seri Banian

Jadual 5 : Bagaimana mengetahui tentang Kg Seri Banian

Perkara	Bilangan	Peratus
Bacaan surat khabar	2	4
Media sosial	28	56
Rakan-rakan	20	40
Promosi agensi pelancongan atau laman web	0	0
Jumlah	50	100

Berdasarkan analisis Jadual 5, seramai 28 responden (56%) mengatakan mereka mengetahuinya melalui media sosial diikuti mengetahui daripada rakan-rakan iaitu seramai 20 responden (40%).

c. Analisa skor min tahap kepuasan terhadap perkhidmatan yang disediakan di Kg Seri Banian

Jadual 6 : Analisa skor min kepuasan pengunjung

Perkara	Skor min	Catatan
Layanan yang mesra pelanggan oleh pemilik	3.82	Tinggi
Sajian makanan melayu yang unik dengan kualiti dan harga yang menarik	3.84	Tinggi
Persembahan kebudayaan yang menarik dan menunjukkan budaya masyarakat tempatan	3.76	Tinggi
Dapat menyelami kehidupan zaman silam yang penuh dengan adat	3.78	Tinggi
Penginapan yang disediakan menarik dan selesa	1.96	Rendah
Kebersihan dan keceriaan persekitaran mengekalkan ciri-ciri zaman silam	3.42	Tinggi
Kemudahan asas yang disediakan di kawasan sekitar adalah selesa (tempat letak kereta, tandas, surau)	2.82	Sederhana
Jalan masuk mudah dan selesa serta diselenggarakan (Kemudahsampaian)	1.98	Rendah
Promosi tentang destinasi pelancongan warisan oleh agensi berkaitan pelancongan	2.32	Sederhana
Jumlah	3.68	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan analisa skor min paling tinggi ialah 3.84 iaitu tahap kepuasan terhadap sajian makanan melayu yang unik dengan kualiti dan harga yang menarik. Hasil soal selidik yang dijalankan sebahagian besar pengunjung datang hanya untuk menikmati sajian makanan melayu yang unik di samping layanan seperti seorang bangsawan. Kebanyakan pengunjung juga sangat berpuas hati dengan harga dan kualiti makanan yang disediakan. Skor min terendah pula ialah 1.96 di mana kebanyakan pengunjung tidak berpuas hati dengan penginapan yang disediakan. Hasil dari temubual dengan pengunjung mereka tidak berminat dengan penginapan yang disediakan kerana bimbang dengan keselamatan apabila dinding chalet di buat dari buluh dan risau dengan struktur yang tidak kukuh. Selain itu pengunjung juga tidak berpuas hati dengan jalan masuk ke Kg Seri Banian. Ini kerana jalan masuknya yang tidak berturap dan lebar hanya 20 kaki menyebabkan kenderaan tidak boleh berselisih.

5.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kajian ini bertujuan mengenalpasti potensi pelancongan warisan di Kg Seri Banian.. Dapatan kajian setelah dibuat analisa mendapati konsep pelancongan di kawasan kajian ialah berkonsepkan pelancongan warisan budaya adat melayu lama. Kawasan kajian ini sangat berpotensi untuk menjadi tempat pelancongan warisan budaya yang dikenali di seluruh dunia dan menjadi pilihan utama pengunjung. Ini kerana terdapat keunikan budaya di mana masyarakat kampung yang masih mengekalkan adat istiadat, seni, dan kesenian tradisional. Selain itu kawasannya yang tenang dengan suasana alam sekitar yang indah dan damai, jauh dari kebisingan dan hiruk-pikuk bandar. Pelancong juga berpeluang menikmati gaya hidup dan aktiviti harian penduduk kampung secara langsung.

Elemen-elemen pelancongan warisan budaya juga banyak diterapkan di Kg Seri Banian dan berada pada tahap terbaik. Antaranya kesenian dan pertunjukan tradisional di mana tarian, muzik, dan pertunjukan lain yang mencerminkan budaya tempatan. Elemen makanan tradisional iaitu hidangan dan resepi tempatan yang menunjukkan warisan kuliner kawasan tersebut juga terdapat di kawasan kajian. Selain itu terdapat juga elemen-elemen lain yang

diterapkan di kawasan kajian seperti upacara dan festival tradisi, senibina tradisional dan artifak budaya.

Namun begitu beberapa perkara perlu diberi perhatian dan ditambahbaik bagi menjadikan Kg Seri Baniah sebagai pusat pelancongan warisan budaya dan ikon pelancongan Negeri Kedah. Oleh kerana kawasan ini adalah milik persendirian maka kerjasama dengan kerajaan negeri atau kementerian pelancongan (MOTAC) perlu dilakukan bagi mendapatkan suntikan modal dan juga mempromosi kawasan tersebut. Selain itu jalan masuk ke kawasan kajian juga perlu di tambahbaik kerana jalan sedia ada sangat sempit dan tidak berturap. Ini menyukarkan pengunjung dan menimbulkan ketidakselesaan untuk ke kawasan kajian.

RUJUKAN

- Goh Jet Yang, Mohd Azlan Abdullah (2022).Potensi Kota Tinggi Sebagai Bandar Pelancongan Warisan Budaya dan Sejarah Serta Kesannya Terhadap Ekonomi Setempat Di Kota Tinggi, Johor . Jurnal Wacana Sarjana.
- Siti Nurain Marzuki, Agnes Amoi Anak Sudin, Dorathy Sebi Anak Nelson Atang, Aini Atiqah Nor Arsaf, Nurul Liyana Zainal Abidin, Nurul Fadilah Mohd. Nawi & Er, A.C. (2021). Tarikan Pelancongan Berasaskan Warisan Di Kuala Lumpur.
- Zatul Iffah, Z. (2020, September 3). Kampung Budaya Terengganu tarikan pelancongan terbaru. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/09/727705/kampung-budayaterengganu-tarikan-pelancongan-terbaru>.
- Siti Norsakira Mohamed, Rosniza Aznie Che Rose (2018). Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan.
- Siti Salina, M. & Zuliskandar, R. (2018). Potensi pembangunan pelancongan berasaskan warisan di Bandar Hilir, Melaka: Analisis SWOT. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Vol. 2, Issue 1, pp. 253-265.
- Norhasimah, I., Tarmiji, M. & Azizul, A. (2014). *Cultural Heritage Tourism in Malaysia: Issue and Challenges*. SHS Web of Conferences 12, 01059.
- Er Ah Choy. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 11 (3), 12-23.
- Chik, Abdul Razak, & Tahir Shaharuddin. (2004). Budaya dan warisan negara sebagai pemangkin kepada pelancongan lestari. In: Keusahawanan pelancongan potensi & isu-isu semasa.